

“PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2017”

1.0 TUJUAN

Program ini merupakan satu program yang berimpak tinggi dan berpotensi menarik minat komuniti terutamanya generasi muda dalam usaha mendekatkan mereka dengan dunia permuziuman.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Program “Bermalam di Muzium” merupakan salah satu akitiviti pendidikan yang dijalankan di kebanyakan muzium utama di seluruh dunia. Di Malaysia, penganjuran ‘Program Bermalam di Muzium’ telah dipelopori oleh Muzium Negara bermula tahun 2005 bersempena sambutan bulan kemerdekaan negara. Program tersebut telah mendapat sambutan di luar jangkaan menyebabkan ia kemudiannya dijadikan sebagai acara wajib MN saban tahun.
- 2.2 Kejayaan penganjuran program ini telah merintis pelaksanaan program yang seumpamanya di muzium-muzium lain di seluruh negara. Apatah lagi, setiap muzium mempunyai *niche* yang tersendiri dalam menerokai koleksi, konsep, idea, pendapat dan sebagainya dalam melahirkan dan menzahirkan pembelajaran.
- 2.3 Program ini akan memberi impak dalam memperlihatkan fungsi dan peranan muzium yang lebih luas sebagai agen perubahan dan pembangunan sosial. Muzium dijadikan salah satu wahana yang membantu mengekalkan wajah budaya dan citra bangsa selain menjadi wadah terpenting dalam pembinaan negara bangsa selaras dengan cita-cita negara untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang dinamik dan bersatu padu.
- 2.4 Program ini akan dipergiatkan lagi bukan sahaja di kesemua muzium di seluruh negara tetapi juga diperluaskan sehingga ke peringkat pelbagai lapisan masyarakat termasuk penyertaan bersama keluarga yang melibatkan ibu bapa dan anak-anak.

3.0 OBJEKTIF

1. Mengukuhkan peranan muzium sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal
2. Mendidik dan membentuk generasi muda yang berpengetahuan dan peka terhadap khazanah warisan negara
3. Mendekatkan muzium dengan masyarakat terutamanya dengan pelajar-pelajar sekolah
4. Menggalakkan budaya mengunjungi muzium dalam kalangan generasi muda
5. Memupuk persefahaman dan semangat perpaduan sesama warganegara
6. Memupuk semangat patriotik dan cintakan negara
7. Meningkatkan kepuasan pelanggan dengan pelbagai program dan aktiviti untuk setiap lapisan masyarakat

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Program Bermalam di Muzium Perdana ini melibatkan 26 buah muzium di seluruh negara yang akan dijalankan serentak pada tarikh yang telah ditetapkan. Jumlah keseluruhan peserta yang terlibat ialah 2,050 orang. Senarai muzium yang terlibat dan bilangan penyertaan adalah sebagaimana berikut;

BIL	MUZIUM	JUMLAH PESERTA
1	GALERI TUNKU FAUZIAH	50
2	MUZIUM NEGERI KEDAH	50
3	MUZIUM LABUAN	105
4	MUZIUM TERENGGANU	100
5	MUZIUM KOTA KAYANG	80
6	MUZIUM MATANG	30
7	MUZIUM PERAK, TAIPING	100
8	MUZIUM POLIS	115
9	MUZIUM SABAH	100
10	MUZIUM LUKUT	60
11	MUZIUM NEGERI PERAK, IPOH	60
12	MUZIUM NEGERI SEMBILAN	40
13	GALERIA PERDANA	102
14	MUZIUM NEGARA	275
15	MUZIUM TEKSTIL NEGARA	79
16	MUZIUM SENI BINA	30
17	PERZIM	40
18	MUZIUM DIRAJA	156
19	MUZIUM KOTA KUALA KEDAH	60
20	MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUIJANG	70
21	MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL	35
22	MUZIUM PADAT	100
23	MUZIUM ADAT	82
24	MUZIUM KOTA JOHOR LAMA	40
25	MUZIUM SUNGAI LEMBING	50
26	MUZIUM TELEKOM	41

4.2 Tarikh

Pemilihan tarikh **15 & 16 September 2017** (Jumaat & Sabtu) diambil sempena ulang tahun Hari Malaysia (16 September 2017) ketika berlangsungnya sambutan bulan kemerdekaan.

4.3 Aktiviti/Pengisian Program

Pengisian program yang dapat membentuk jiwa patriotik dalam kalangan generasi muda selain program yang dapat memberi pendedahan kepada mereka tentang aktiviti-aktiviti permuziuman.

4.4 Penyertaan

Pelajar sekolah menengah (Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima).

ATUR CARA

15 SEPTEMBER (Jumaat)

MASA

2.00 petang

4.00 petang

5.30 petang

6.30 petang

7.30 malam

9.00 malam

11.30 malam

12.30 malam

AKTIVITI

Pendaftaran, Pembahagian Kumpulan, Taklimat & Sesi Suai
Kenal

Perasmian Program

Latihan Dalam Kumpulan (LDK)

Solat Asar

Makan Malam & Pengurusan Diri

Solat Maghrib dan Isyak & Kerohanian / Slot Moral

Persembahan Kumpulan

“Detik-detik Akhir”



16 SEPTEMBER (Sabtu)

MASA

6.00 pagi

7.00 pagi

9.00 pagi

12.00 tengah hari

12.30 tengah hari

1.00 petang

AKTIVITI

Bangun Pagi & Pengurusan Diri

Senamrobik & Sarapan

Lumba@Muzium

Majlis Penutup & Penyampaian Hadiah

Makan Tengah Hari

Bersurai